



JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**KENYATAAN RASMI BIL. 14/2020**

## **PERANAN DAN PENDEKATAN ULUL AMRI DALAM PENCEGAHAN WABAK COVID-19**

Jabatan Mufti Negeri Perak mengambil maklum terhadap nasihat, saranan dan ucapan yang dinyatakan oleh penceramah tersohor negara Y.Bhg. Dato' Kazim Elias di Masjid Ibadur Rahman, Kepala Batas, Pulau Pinang sempena Maulidur Rasul berkaitan dengan tatacara pengawalan COVID-19 terutama yang berkaitan dengan perihal ibadat.

Jabatan ini menegaskan bahawa :

a) Sebagai institusi rasmi yang bertanggungjawab dalam urusan umat Islam (sepertimana yang dinyatakan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004), setiap tindakan yang terkait dengan umat perlu dinilai, diteliti dan perlu diperkenankan oleh *Ulil Amri* (Duli Yang Maha Mulia Sultan) sebelum ianya dibenarkan untuk dilaksanakan oleh umat Islam. Pekara ini berasaskan konsep *siasah syari'ah* dengan menetapkan hukum yang dibuat oleh *ulil amri* ketika membuat satu peraturan bagi memelihara maslahat ummah.

b) Sejak Pandemik COVID-19 melanda negara ini khususnya, Ashabus Samahah para mufti dan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri sentiasa berbincang bagi mencapai suatu keputusan bagi mengeluarkan sesuatu pandangan atau fatwa bertujuan memelihara masalah umat Islam. Beberapa siri Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan negeri telah berlangsung bagi membincangkan tindakan yang relevan dan munasabah untuk umat ini dengan mengambil kira suasana dan persekitaran semasa.

c) Para Mufti bertanggungjawab dalam urusan yang besar ini bagi menjamin survival ummah sepertimana yang disebut oleh Imam an-Nawawi dalam kitabnya al-Majmu':

*"Ketahuilah bahawa urusan memberi fatwa itu suatu urusan yang bahaya, besar tanggungjawabnya, banyak kelebihannya kerana mufti itu ialah pewaris nabi a.s. Mereka adalah pelaksana fardu kifayah tetapi dalam masa yang sama terdedah kepada kesilapan"*

d) Jabatan ini ingin menarik perhatian Y.Bhg. Dato' dan masyarakat umum bahawa tindakan pengeluaran fatwa dan irsyad hukum tidak dihalang oleh syarak bertujuan menyumbang ke arah kemajuan dan perkembangan hukum fiqh dalam

menangani permasalahan semasa. Ini bertepatan dengan realiti hukum Islam semasa yang sentiasa sesuai dengan kehendak zaman dan tempat.

e) Ketika ini pelbagai kritikan dilontarkan oleh golongan tertentu terhadap keputusan yang telah disepakati oleh ahli-ahli ilmunan yang berautoriti seolah-olah meminggirkan sumber-sumber asas dalam Islam yakni al-Quran dan Hadis Nabi SAW. Hakikatnya segala keputusan diambil kira melalui suatu perbincangan yang telah dibuat penelitian yang cukup rapi.

f) Al-Quran dan as-Sunnah meletakkan manhaj yang jelas dalam menentukan struktur sesuatu ibadah. Begitu juga dalam pelaksanaan solat berjemaah dalam tempoh PKPP ini. Ia menggunapakai kaedah Qias yang terdapat dalam solat khauf iaitu secara dasarnya solat itu dilaksanakan dalam keadaan meninggalkan perkara yang berkaitan syarat dan rukun atas mudarat yang tidak dapat dielakkan. Kaedah ini merupakan Ijtihad para ilmunan ketika mana ancaman wabak ini masih lagi belum berakhir dan terus memberikan kegusaran kepada seluruh umat Islam.

g) Dalam menetapkan sesuatu hukum sama ada berstatus fatwa atau irsyad hukum terhadap isu yang timbul terutamanya isu COVID-19, para ahli fatwa merujuk sumber dan manhaj pengeluaran hukum yang telah ditetapkan seperti aturan berikut:

- i. Al-Quran – merupakan sumber utama penetapan manhaj, kaedah dan hukum setiap manusia yang mukallaf
- ii. As-Sunnah – merupakan sumber kedua selepas al-Quran dalam menjelaskan hukum dan menyediakan manhaj penetapan hukum secara khusus atau umum, perintah atau larangan dan sebagainya.
- iii. Ijma' – merupakan kesepakatan ulama di kalangan umat Nabi Muhammad pada sesuatu masa terhadap sesuatu hukum syarak yang diijtihadkan selepas kewafatan Rasulullah
- iv. Qias – iaitu menyamakan sesuatu masalah yang tidak terdapat nas di atas hukumnya dengan masalah yang terdapat nas hukum-hukumnya.

h) Secara realitinya, apa yang dilaksanakan oleh para ilmunan yang dipertanggungjawabkan di dalam Institusi Agama khususnya adalah mendahulukan apa yang dianjurkan oleh syarak seperti tindakan berikut:

- i. Merujuk kepada pakar kesihatan khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pihak keselamatan khususnya Majlis Keselamatan Negara (MKN). Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah an-Nahl ayat 43:

فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٤٣﴾

Bermaksud: “Oleh itu bertanyalah kamu kepada orang-orang yang berpengetahuan jika kamu tidak mengetahui”

Dalam hal berkaitan COVID-19 ini, golongan yang berpengetahuan atau pakar adalah KKM dan dari sudut menjaga keselamatan rakyat adalah

MKN. Dua pihak ini dipanggil *al-khabir* atau mereka yang pakar untuk kita rujuk kepadanya. Sebelum sesuatu hukum diputuskan, mereka yang pakar telah memberikan keterangan secara teliti termasuk laporan data, fakta dan sebagainya.

- ii. Melaksanakan konsep pencegahan yang teliti bagi mengelakkan penyebaran wabak yang boleh merosakkan jiwa. Ini berdasarkan sabda Nabi SAW:

إِذَا سَمِعْتُمْ بِالطَّاعُونَ بِأَرْضٍ فَلَا تَدْخُلُوهَا، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا مِنْهَا."  
فَقُلْتُ : أَنْتَ سَمِعْتَهُ يُحَدِّثُ سَعْدًا وَلَا يُنْكِرُهُ ؟

Bermaksud : "Jika kamu mendengar wabak di suatu wilayah (negeri), maka janganlah kalian memasukinya. Akan tetapi, jika terjadi wabak di tempat kamu berada, maka jangan tinggalkan tempat itu."

(HR al-Bukhari, no. 5728)

Maka adalah tidak betul apabila dikatakan SOP atau peraturan yang telah dibuat menyalahi atau membelakangi hadis Nabi SAW kerana baginda SAW telah menunjukkan sunnah manhaj atau sunnah metodologi, iaitu memberikan gambaran kepada kita apabila berlaku satu wabak maka manhaj atau metodologi baginda adalah langkah untuk pencegahan.

Oleh itu, ahlu fatwa iaitu orang yang keluaran fatwa atau yang terlibat dengan fatwa metodologinya tidak sama dengan wa'iz iaitu orang yang berceramah atau orang yang memberikan tazkirah dan seumpamanya. Ini kerana semua suasana dan keadaan diambilkira dan apa yang dibuat itu tidak lari dari al-Quran, as-Sunnah, ijmak dan juga qias.

i) Adalah tidak betul juga pandangan yang mengatakan apa yang berlaku ini adalah teori-teori konspirasi. Ini kerana data-data menunjukkan sehingga hari ini sudah 47.8 juta kes jangkitan COVID-19 seluruh dunia dan telah mengakibatkan 1.2 juta lebih manusia di atas muka bumi ini yang mati kerana COVID-19. Antara negara yang paling banyak dijangkiti COVID-19 ialah Amerika Syarikat, India, Brazil dan Russia. Negara-negara ini adalah negara bukan Islam yang jika sekiranya berkonspirasi sudah tentu negara ini tidak mendapat angka kematian yang sedemikian rupa.

j) Jabatan ini juga menyarankan kepada para pendakwah termasuk para guru tauliah, guru dakwah, muballigh dan lain-lain yang melakukan tugas mulia menyeru kepada makruf dan mencegah daripada mungkar agar mengambil tindakan berikut:

- i. Meninggalkan konflik sosial sama ada secara *vertical* (antara atasan dan bawahan, majikan dan pekerja, penguasa dan rakyat) ataupun secara *horizontal* (sesama rakyat, sesama penguasa, antara eksekutif dan legislatif).
- ii. Berusaha membabit dan menyemai kasih sayang, perpaduan dan hormat-menghormati antara rakyat dan pemerintah, pembuat polisi dan

- pelaksana, para *du'at* dan para *mad'u* dan anggota masyarakat secara umum
- iii. Menghormati urusan dunia dan adat yang tidak bertentangan dengan al-Quran dan as-Sunnah.
- k) Beberapa kaedah fiqh yang menepati kehendak al-Quran dan as-Sunnah yang digunakan dalam penetapan SOP PKPP adalah seperti berikut :
- i. **سد الذريعة** : Kaedah ini merujuk kepada perlunya menutup pintu-pintu yang boleh membawa kemudaratan. Melakukan penjarakan fizikal adalah menutup pintu yang boleh membawa kemudaratan dalam jangkitan COVID-19
  - ii. **تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة** : Kaedah ini bermaksud tindakan yang dijalankan oleh pemerintah terhadap rakyat bergantung kepada masalah. Dalam konteks ini, pemerintah berhak membuat keputusan berpandukan kepada kemaslahatan rakyat dengan berlandaskan kepada syariat Islam.
  - iii. **لا ضرر ولا ضرار** : Kaedah ini bertujuan menghalang seseorang daripada melakukan kemudaratan kepada diri sendiri dan mendatangkan mudarat kepada orang lain. Mendedahkan diri kepada jangkitan COVID-19 boleh mengakibatkan mudarat kepada diri sendiri dan memindahkan virus kepada orang lain. Perkara ini adalah ditegah kerana mendedahkan diri kepada kematian akibat jangkitan virus ini. Penjarakan fizikal ketika solat berjamaah di masjid dan surau seperti yang ditetapkan dalam SOP adalah menepati kaedah ini. Penularan virus ini adalah mudarat yang wajib dihilangkan dengan memutuskan rangkaian penyebaran virus ini kerana ia boleh mengakibatkan kematian di kalangan manusia. Daripada kaedah di atas, adalah wajib menghilangkan mudarat.
  - iv. **الضرر يزال بقدر الإمكان** : Mudarat itu wajib dihilangkan dengan seberapa upaya yang mungkin. Ini bererti bahawa sebarang usaha yang benar-benar serius dan efektif dengan sedaya upaya untuk menghilangkan mudarat dan juga bagi mencegahnya daripada berlaku adalah wajib hukumnya pada syarak.
  - v. **الضرر الأشد يزال بالضرر الأخف** : Mudarat yang serius dihilangkan dengan mudarat ringan. Ini bererti bahawa pada asalnya Islam melarang sebarang bentuk mudarat dan juga mendatangkan mudarat. Tetapi sekiranya bagi menghilangkan sesuatu mudarat besar dengan terpaksa menimbulkan mudarat kecil maka syariat mengharuskan mengambil mudarat kecil atau ringan demi menghapuskan dan mencegah daripada mudarat yang serius dan besar.

l) Maka dengan itu adalah diharapkan agar seluruh umat Islam kembali kepada Allah SWT untuk mengekalkan perpaduan. Kita mengambil asbab bagaimana kita dapat memutuskan rantaian COVID-19 ini dengan apa cara sekali pun. Tidak salah untuk kita berusaha sama ada dengan memakan madu, habatus sauda' dan sebagainya, tetapi dalam masa yang sama janganlah kita menyalahkan usaha-usaha yang telah dibuat oleh pihak berkuasa agama yang mendapat nasihat dari para pakar (*al-khabir*) di kalangan KKM dan juga MKN. Mudah-mudahan penjelasan ini memberikan pencerahan kepada seluruh masyarakat Islam. Kita berdoa agar Allah SWT mengangkat wabak ini dengan segera kerana Dia-lah yang akan menurunkan ubat terhadap segala penyakit. Yang lebih penting daripada itu, marilah sama-sama kita hindarkan maksiat dan kemungkaran kerana ia akan membawa wabak yang lebih besar kepada umat Islam.

Disediakan oleh:

Jabatan Mufti Negeri Perak

5 November 2020M / 19 Rabi'ul Awal 1442H